

Pembinaan ECRL disambung semula bulan depan

Malaysiakini

15 April 2019

Kow Gah Chie

Kerja-kerja pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan bermula seawal Mei ini, kata pemilik projek kereta api itu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

“Kami jangka kerja-kerja pembinaan akan bermula secepat mungkin, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan,” kata Ketua Pegawai Eksekuti MRL Darwis Abdul Razak.

“Kami berharap seawal Mei.”

Katanya, penggantungan projek itu pada Julai 2018 telah ditarik balik selepas perjanjian tambahan (SA) berkaitan ECRL ditandatangani di Beijing pada 12 April - tiga hari lalu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/472329>